



LOI menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang sambil diperhatikan Sarwar (kiri).

Aktiviti bahasa Inggeris PPIB UMSKAL tarik penyertaan pengunjung

UB 16.11.2013 A9

Oleh HENRY BATING

utusanborneok@gmail.com

LABUAN: Kegiatan berbahasa Inggeris anjuran Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Antarabangsa Labuan (KAL) berjaya menarik perhatian pengunjung di Ekspo dan Pameran sempena Majlis Konvokesyen ke-15 ini.

Penyelaras PPIB UMSKAL, Dr Loi Check Kim berkata kegiatan berbahasa Inggeris diberikan kepada para pengunjung sesuai dengan fungsi pusat itu yang mengendalikan kursus bahasa Inggeris, bahasa-bahasa antarabangsa di samping kursus-kursus teras universiti.

"PPIB merupakan salah satu pihak yang menyertai ekspo ini di samping dua sekolah lain UMSKAL serta jabatan dan agensi lain di Wilayah Persekutuan Labuan," kata Loi

ketika ditemui di tapak ekspo yang diadakan di ruang legar Podium Menara UMSKAL.

Ekspo dan pameran yang diadakan 13-15 Nov itu turut disertai Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Sekolah Sains dan Informatik Labuan (SSIL), perpustakaan, bahagian sukan dan pertahanan awam.

Antara yang menyertai aktiviti berbahasa Inggeris ialah rombongan pelajar dari Kolej Vokasional Labuan untuk merebut hadiah-hadiah bagi pertandingan 'melengkapkan cerita' (story completing) dan 'menyebutkan perkataan yang sukar' (toungue twister).

Turut mengendalikan aktiviti itu ialah Pensyarah Kanan Bahasa Inggeris, Hajah Siti Katijah Hj Johari dan pensyarah Mohammad Sarwar E-Alam.



LOI dan Sarwar (tengah) bersama sebahagian peserta berbahasa Inggeris PPIB UMSKAL.